



**Nestlé**

Good food, Good life

**TERMA DAN SYARAT**

**A. Jadual bagi Syarat Penyertaan**

1. <b><u>Penganjur:</u></b>	Nestlé Products Sdn. Bhd. (197901000966).								
2. <b><u>Promosi:</u></b>	MILO PERADUAN KAAMATAN – BELI & MENANG.								
3. <b><u>Tempoh Promosi:</u></b>	Promosi bermula jam 00:00:00 pada 06/04/2024 dan ditutup jam 23:59:59 pada 02/06/2024.								
4. <b><u>Kelayakan:</u></b>	Promosi ini dibuka kepada semua individu penduduk <u>SABAH dan WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN</u> berumur 18 tahun dan ke atas yang sah pada permulaan Tempoh Promosi, dan dengan dokumen pengenalan yang sah dan beralamat rumah di <u>SABAH dan WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN</u> . Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.								
5. <b><u>Produk Turut Serta:</u></b>	Sila rujuk di bawah untuk senarai produk MILO yang turut serta (“Produk”): <table border="1" data-bbox="432 1189 1433 1653"><thead><tr><th><b>PRODUK TURUT SERTA</b></th></tr></thead><tbody><tr><td>MILO ACTIV-GO POWDER 200g, 400g, 450g, 1kg, 1.1kg, 1.4kg, 2kg, 2.2kg.</td></tr><tr><td>MILO HI-FIBRE 900g.</td></tr><tr><td>MILO 3in1 8x33g, 18x33g, 18+3 x33g, 18x33g Jimat RM1.50, 30x33g, 18x33g + 3x30g Hi-Fibre.</td></tr><tr><td>MILO Whole Grain Cereal 10x36g.</td></tr><tr><td>MILO Less Sugar 10x27g.</td></tr><tr><td>MILO Hi-Fibre 12x30g.</td></tr><tr><td>MILO Original 18x30g, 18+3 x30g, 18x30g Jimat RM1.50.</td></tr></tbody></table>	<b>PRODUK TURUT SERTA</b>	MILO ACTIV-GO POWDER 200g, 400g, 450g, 1kg, 1.1kg, 1.4kg, 2kg, 2.2kg.	MILO HI-FIBRE 900g.	MILO 3in1 8x33g, 18x33g, 18+3 x33g, 18x33g Jimat RM1.50, 30x33g, 18x33g + 3x30g Hi-Fibre.	MILO Whole Grain Cereal 10x36g.	MILO Less Sugar 10x27g.	MILO Hi-Fibre 12x30g.	MILO Original 18x30g, 18+3 x30g, 18x30g Jimat RM1.50.
<b>PRODUK TURUT SERTA</b>									
MILO ACTIV-GO POWDER 200g, 400g, 450g, 1kg, 1.1kg, 1.4kg, 2kg, 2.2kg.									
MILO HI-FIBRE 900g.									
MILO 3in1 8x33g, 18x33g, 18+3 x33g, 18x33g Jimat RM1.50, 30x33g, 18x33g + 3x30g Hi-Fibre.									
MILO Whole Grain Cereal 10x36g.									
MILO Less Sugar 10x27g.									
MILO Hi-Fibre 12x30g.									
MILO Original 18x30g, 18+3 x30g, 18x30g Jimat RM1.50.									
6. <b><u>Bukti Pembelian &amp; Kaedah Penyertaan:</u></b>	a. Untuk mengambil bahagian dalam Promosi, beli minima Ringgit Malaysia Enam Belas (RM16) (“Pembelian Minima”) mana-mana Produk dalam satu resit asal dari mana-mana outlet dalam kedai (“Resit”) dan/atau invois tangkapan skrin daripada mana-mana platform di dalam talian (“Invois”) semasa Tempoh Promosi (“secara kolektif dirujuk sebagai Bukti Pembelian”).  b. <u>Resit Outlet di dalam kedai:</u>								

- i. Resit boleh didapati berupa resit bercetak dari sistem *point-of-sale* dan/atau resit bertulis untuk pembelian outlet di dalam kedai. Resit mesti mengandungi nama dan/atau logo outlet di mana pembelian dibuat. Sekiranya ini tidak tertera, Resit perlu dicap dengan cap rasmi syarikat outlet di mana pembelian dibuat.
  - ii. Resit juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian Produk, nombor Resit dan nama dan/atau logo outlet (“Butiran Resit”).
- c. Invois Peniaga Dalam Talian:
- i. Invois boleh didapati berupa tangkapan skrin invois dan/atau pesanan untuk pembelian dalam talian daripada peniaga dalam talian. Invois mesti mengandungi nama dan/atau logo peniaga dalam talian di mana pembelian dalam talian dibuat. Untuk pembelian dalam talian dengan kod promosi dan/atau rebat dan/atau baucar diskaun dan/atau baucar penghantaran dan/atau lain-lain diskaun, jumlah pembayaran akhir Produk mestilah jumlah Pembelian Minima dan ke atas untuk layak.
  - ii. Invois juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian, nombor invois, dan nama dan/atau logo peniaga dalam talian (“Butiran Invois”).
- d. Semasa proses pemilihan Finalis, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri mengikut jumlah pembelian seperti yang dinyatakan dalam Bukti Pembelian yang diserahkan sehingga maksima lima belas (15) nombor bersiri. Sebarang jumlah baki akan dibatalkan sebaik sahaja nombor bersiri maksima bagi setiap Bukti Pembelian telah diperuntukkan. Bagi setiap jumlah Produk Ringgit Malaysia Enam Belas (RM16), Penganjur akan memperuntukkan satu (1) nombor bersiri.
- Contoh:  
Jika anda membeli dalam setiap Bukti Pembelian, semasa Tempoh Promosi:
- Jumlah Produk RM16.50, Penganjur akan memperuntukkan 1 nombor bersiri.
  - Jumlah Produk RM162.00, Penganjur akan memperuntukkan 10 nombor bersiri.
  - Jumlah Produk RM260.00, Penganjur akan memperuntukkan 15 nombor bersiri.
- e. Terdapat tiga (3) kaedah untuk menyertai Promosi iaitu sama ada melalui:
- i. Pos; atau
  - ii. Drop Box – hanya tersedia di outlet turut serta dengan Promoters; atau
  - iii. WhatsApp.
- Semua kaedah penyerahan lain termasuk tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan kurier, atau POS Laju akan dibatalkan.
- f. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang mereka inginkan namun Bukti Pembelian HANYA layak untuk **satu (1) penyerahan penyertaan Pos**

	<p><b>ATAU satu (1) penyerahan penyertaan Drop Box ATAU satu (1) penyerahan penyertaan WhatsApp.</b></p> <p>g. Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Bukti Pembelian yang tidak boleh dibaca, dengan butiran yang tidak lengkap, dicetak semula, berulang, tidak jelas, rosak, diubah dan/atau diubah suai dalam apa jua cara tanpa notis lanjut kepada Peserta. Untuk mengelakkan keraguan, Penganjur juga boleh, tanpa notis lanjut kepada Peserta, membatalkan kelayakan mana-mana penyertaan jika Penganjur mengesyaki bahawa Peserta menyerahkan Bukti Pembelian yang dihasilkan sendiri, dipalsukan atau dikeluarkan ke atas Produk yang belum dibeli.</p>
<p><b>7. <u>Penyerahan Penyertaan:</u></b></p>	<p>a. <u>Penyerahan penyertaan melalui Pos atau Drop Box:</u></p> <p>i. Lengkapkan satu (1) Borang Penyertaan Promosi (“Borang”) dengan butiran yang diperlukan iaitu nama penuh, nombor pengenalan dan nombor telefon bimbit (WhatsApp diaktifkan) dan lampirkan satu (1) Bukti Pembelian. Borang ini boleh didapati di semua cawangan yang turut serta dan/atau layari Laman Web Promosi di: <a href="https://nes.tl/MILOPeraduanRaikanKaamatan">https://nes.tl/MILOPeraduanRaikanKaamatan</a> untuk mencetak Borang.</p> <p>– <u>Melalui Pos:</u> Borang yang telah lengkap diisi bersama dengan satu (1) Bukti Pembelian hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dan dipos melalui pos biasa sahaja ke alamat Peti Surat yang dinyatakan dalam Borang (“Penyertaan”):  MILO PERADUAN KAAMATAN – BELI &amp; MENANG  P. O. BOX 17082  88872 KOTA KINABALU, SABAH  <u>ATAU</u></p> <p>– <u>Melalui Drop Box:</u> Borang yang telah lengkap diisi bersama dengan satu (1) Bukti Pembelian (dilampirkan) mesti dimasukkan ke dalam Drop Box di mana-mana outlet yang turut serta dengan Promoter (“Penyertaan”).</p> <p>ii. Penganjur akan mengekstrak semua Penyertaan yang diterima untuk pemprosesan, pengesahan dan kelayakan selanjutnya. Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana Penyertaan dengan Butiran Peribadi yang tidak lengkap, Borang dan Bukti Pembelian yang tidak jelas dan/atau mengandungi lebih daripada satu (1) Bukti Pembelian. Semua Penyertaan yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Penganjur tanpa notis lanjut kepada Peserta.</p> <p>b. <u>Penyerahan penyertaan melalui WhatsApp:</u></p> <p>i. Tangkap satu (1) gambar/imej yang jelas dan boleh dibaca dalam format jpg atau jpeg atau png Resit lengkap dengan Butiran Resit (“Imej”).</p> <p>ii. Satu (1) Imej mesti mengandungi gambar satu (1) Resit sahaja dan fail Imej mesti kurang daripada 5MB.</p> <p>iii. Hantar Imej melalui WhatsApp ke <b>6018 388 1316</b> menggunakan nombor telefon bimbit yang didaftarkan di Malaysia.</p> <p>iv. Anda akan menerima mesej auto-balas yang mengarahkan anda untuk menyerahkan Nama Penuh dan No Pengenalan anda (“Butiran Peribadi”)</p>

	<p>serta-merta mengikut format: <b>#NAMA PENUH#NO PENGENALAN</b> untuk melengkapkan pendaftaran dan penyerahan penyertaan anda (“Penyertaan”).  <u>Contoh:</u> Taip: #ISA BIN HANIF#010801145895 dan hantar.</p> <p>v. Anda dikehendaki memberikan Butiran Peribadi anda sekali sahaja. Anda boleh menghantar seberapa banyak Penyertaan yang anda inginkan, dan semua Penyertaan seterusnya akan dipautkan kepada Butiran Peribadi yang diberikan pada mulanya.</p> <p>vi. Mesej perakuan auto-balas akan dihantar oleh Penganjur untuk Penyertaan WhatsApp pertama yang diterima daripada setiap nombor mudah alih sahaja.</p> <p>vii. Penganjur akan mengekstrak semua Penyertaan yang diterima untuk pemprosesan, pengesahan dan kelayakan selanjutnya. Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana Penyertaan dengan Butiran Peribadi yang tidak lengkap, imej yang tidak jelas dan/atau tidak boleh dibaca dan/atau pendua dan/atau mengandungi lebih daripada satu (1) Bukti Pembelian.</p> <p>c. Semua Penyertaan akan disemak untuk pendua berdasarkan nama penuh Peserta, nombor pengenalan dan nombor mudah alih yang diserahkan. Semua Penyertaan yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Penganjur tanpa notis lanjut kepada Peserta.</p>
<p>8. <b><u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u></b></p>	<p>Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 23:59:59 pada 02/06/2024. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi yang berkenaan akan dibatalkan secara automatik.</p>
<p>9. <b><u>Hadiah Mingguan:</u></b></p>	<p>a. Terdapat sejumlah dua puluh lima (25) Hadiah Mingguan yang terdiri daripada satu (1) wang tunai RM100 setiap satu untuk dimenangi setiap minggu selama lapan (8) minggu berturut-turut.</p> <p>b. Terdapat sejumlah dua ratus (200) Hadiah Mingguan untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p> <p>c. Kumpulan Penyertaan adalah berdasarkan tarikh penyerahan dan lapan (8) tempoh mingguan adalah seperti di bawah:  Minggu 1: 06/04/2024 – 14/04/2024      Minggu 2: 15/04/2024 – 21/04/2024  Minggu 3: 22/04/2024 – 28/04/2024      Minggu 4: 29/04/2024 – 05/05/2024  Minggu 5: 06/05/2024 – 12/05/2024      Minggu 6: 13/05/2024 – 19/05/2024  Minggu 7: 20/05/2024 – 26/05/2024      Minggu 8: 27/05/2024 – 02/06/2024</p>
<p>10. <b><u>Maklumat Pengadilan – Hadiah Mingguan:</u></b></p>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Mingguan, Penganjur akan susun kira Penyertaan yang diterima dan memperuntukkan nombor bersiri, untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi penyertaan yang berjaya setiap minggu, mengikut Produk yang dibeli sebagai dinyatakan dalam Bukti Pembelian yang diserahkan (setiap satu "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan Layak"). Satu</p>

	<p>set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1".</p> <p>b. Setiap minggu nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ("Jumlah Penyertaan Layak Mingguan"). Andainya Jumlah Penyertaan Layak untuk hari tersebut ialah <b>3001</b>, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan yang berikut:</p> <p>i. <b>Pemilihan dua puluh lima (25) Finalis Hadiah Mingguan: <math>3001 \div 25 = 120.04</math>.</b> Oleh sebab pembahagian 3001 dengan 25 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 120.04 akan dibundarkan ke bawah kepada <b>120</b>. Dua puluh lima (25) Peserta dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 120*, 240*, 360*, 480, 600 and so forth (*contoh pengiraan: <u>120</u>, <math>120+120=240</math>, <math>240+120=360</math>).</p>
<p>8. <b><u>Hadiah Utama Bulanan:</u></b></p>	<p>a. Terdapat satu (1) Hadiah Utama Bulanan yang terdiri daripada satu (1) Ativa 1.0l Turbo X (D-CVT), harga <i>on-the-road</i> untuk dimenangi setiap bulan selama dua (2) bulan berturut-turut.</p> <p>b. Hadiah Utama Bulanan adalah termasuk kos untuk pendaftaran kereta standard, cukai jalan dan insurans. Sebarang bayaran tambahan dan/atau fi rampaian, kos dan/atau perbelanjaan yang akan ditanggung berkaitan dengan penggunaan dan/atau penyelenggaraan Hadiah hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh dan adalah tanggungjawab sepenuhnya Pemenang Hadiah Utama Bulanan.</p> <p>c. Terdapat sejumlah dua (2) Hadiah Utama Bulanan untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p> <p>d. Kumpulan Penyertaan adalah berdasarkan tarikh penyerahan dan dua (2) tempoh bulanan adalah seperti di bawah:  Bulan 1: 06/04/2024 – 05/05/2024  Bulan 2: 06/05/2024 – 02/06/2024</p>
<p>9. <b><u>Maklumat Pengadilan – Hadiah Utama Bulanan:</u></b></p>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Utama Bulanan, semua Penyertaan Layak yang dikumpul dan diproses oleh Penganjur semasa proses pemilihan Finalis mingguan dan sepanjang tempoh bulanan akan secara berasingan diperuntukkan satu set nombor bersiri bermula dengan nombor bersiri "1".</p> <p>b. Di akhir setiap bulan nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ("Jumlah Penyertaan Layak Bulanan"). Andainya Jumlah Penyertaan Layak Bulanan bagi bulan tersebut ialah <b>30005</b>, Penganjur akan mengira dan memilih Finalis Hadiah Utama Bulanan proses pemilihan, berdasarkan cara berikut:</p> <p>i. <b>Pemilihan satu (1) Finalis Hadiah Utama Bulanan: <math>30005 \div 2 = 15002.50</math>.</b> Oleh sebab pembahagian 30005 dengan 2 akan menghasilkan nombor</p>

	<p>dengan nilai perpuluhan, nombor 15002.50 akan dibundarkan ke bawah kepada 15002. Peserta dengan Penyertaan Layak bulan tersebut yang diberikan nombor bersiri 15002 akan dipilih.</p>
<p>11. <b><u>Terma Tambahan:</u></b></p>	<p>a. Penganjur akan menghubungi semua Finalis melalui WhatsApp dari <b>6018 388 1316</b> ke nombor telefon bimbit yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu (1) soalan untuk dijawab. Finalis terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Kegagalan untuk menjawab dengan betul dan/atau kegagalan untuk menjawab soalan yang diberikan oleh Penganjur dalam masa yang dinyatakan dalam mesej WhatsApp akan mengakibatkan pembatalan Hadiah. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak boleh dihubungi melalui WhatsApp atas apa jua sebab.</p> <p>b. Setiap Peserta boleh di sepanjang Tempoh Promosi memenangi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Satu (1) Hadiah Mingguan setiap minggu, maksima sehingga ke dua (2) Hadiah Mingguan, dan</li> <li>ii. Satu (1) Hadiah Utama.</li> </ol> <p>c. Semua Pemenang MESTI memberikan butiran peribadi mereka diatas permintaan. Penganjur berhak untuk membatalkan Hadiah mereka jika Pemenang gagal memberikan butiran penuh mereka atas permintaan. Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang Penyertaan atau Hadiah jika butiran peribadi Peserta atau Pemenang (termasuk nama penuh, nombor pengenalan dan nombor telefon bimbit) didapati tidak tepat atau salah pada bila-bila masa.</p> <p>d. Penganjur berhak untuk meminta penyerahan Bukti Pembelian salinan cetak asal daripada Pemenang untuk pengesahan sebelum pemenuhan Hadiah. Kegagalan untuk menyerahkan Bukti Pembelian asal atas permintaan akan menyebabkan kehilangan kelayakan dan pembatalan. Selepas pengesahan, Penganjur berhak untuk membatalkan Hadiah mereka jika Penganjur mengesyaki bahawa Peserta menyerahkan Bukti Pembelian yang dihasilkan sendiri, dipalsukan atau dikeluarkan ke atas Produk yang belum dibeli.</p> <p>e. Semua Pemenang Hadiah Mingguan wang tunai akan menerima cek yang dibayar atas nama mereka melalui kurier dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu dari tarikh tutup Promosi ke alamat yang diberikan oleh Pemenang.</p> <p>f. Semua Pemenang Hadiah Utama Bulanan akan dihubungi oleh vendor yang dilantik dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu dari tarikh tutup Promosi. Semua Pemenang Hadiah Utama Bulanan mungkin perlu menghadiri Majlis Penyampaian Hadiah, jika ada. Penganjur akan memberitahu Pemenang Hadiah Utama mengenai butiran Majlis Penyampaian Hadiah. Sebarang bayaran tambahan dan/atau fi rampaian, kos dan/atau perbelanjaan yang akan ditanggung berkaitan dengan penggunaan dan/atau penyelenggaraan Hadiah hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh dan adalah tanggungjawab sepenuhnya Pemenang Hadiah Utama Bulanan.</p>

	<p>g. Semua Hadiah yang tidak dituntut selepas tarikh tutup yang ditetapkan oleh Penganjur dalam pemberitahuan pemenang untuk pengambilan hadiah akan dibatalkan. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan alternatif yang sama nilainya atau lebih besar.</p> <p>h. Semua Pemenang mesti mematuhi terma dan syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan Hadiah serta terma dan syarat yang disertakan, jika ada.</p> <p>i. Pengumuman Pemenang akan dipaparkan di laman web Penganjur: <a href="https://nes.tl/MILOPeraduanRaikanKaamatan">https://nes.tl/MILOPeraduanRaikanKaamatan</a> enam (6) hingga lapan (8) minggu dari tarikh tutup Tempoh Promosi.</p>
--	---

**Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan dan Notis Privasi yang boleh didapati di: <https://nes.tl/MILOPeraduanRaikanKaamatan>, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua peserta (dan ibu bapa/penjaga sah peserta, dalam kes peserta di bawah umur) yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”).**

## **B: Syarat-syarat Penyertaan**

### **1. Pengenalan**

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai “Terma dan Syarat”. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Peraduan, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Peraduan akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan konklusif pada semua Peserta, dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

### **2. Penyertaan Peraduan**

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Peraduan ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Peraduan ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau bukti penerimaan yang tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

### **3. Kelayakan**

- 3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Peraduan ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

### **4. Ketidaklayakan**

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Peraduan ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

### **5. Perlucutan Kelayakan**

- 5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:
  - (a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
  - (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.



- 5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:
- (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Peraduan dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau
  - (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.
- 5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

## **6. Hadiah**

- 6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.
- 6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.
- 6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
- 6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.
- (a) **Tiket Acara:**

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.
  - (b) **Hadiah Pelancongan/Percutian:**

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan adalah tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti dituntut menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.
- 6.5 Hadiah diberikan berasaskan “keadaan seperti sedia ada”. Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.
- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.

- 6.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

## **7. Publisiti**

Penganjur boleh menggunakan penyertaan seorang Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Peraduan (secara kolektif dirujuk sebagai “Material”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk pengiklanan, publisiti dan Peraduan mana-mana barangan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

## **8. Hak Milik Harta Intelekt**

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Peraduan ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta menyetujui segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

## **9. Indemniti**

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan kerosakan berbangkit ) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Peraduan, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Peraduan ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

## **10. Had Liabiliti**

- 10.1 Penyertaan Peserta dalam Peraduan ini adalah atas risiko Peserta sendiri.
- 10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Peraduan ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

## **11. Am**

- 11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Peraduan dan Terma dan

Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.

- 11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan Peraduan) berhubung dengan Peraduan ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Peraduan ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.
- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerahkan mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 11.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini tidak akan mempengaruhi atau menjejaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Peraduan yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Peraduan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Peraduan ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

## **12. Notis Privasi**

- 12.1 Dengan menyertai Peraduan, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur mengikut Notis Privasi di [https://www.nestle.com.my/info/privacy\\_policy/privacy\\_bm](https://www.nestle.com.my/info/privacy_policy/privacy_bm).
- 12.2 By participating in the Promotion, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in [https://www.nestle.com.my/info/privacy\\_notice](https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice).